

BANDAR SELAMAT: SATU KAJIAN LITERATUR

Noorliana Safian¹, Nurul Hanis Mohd Sabri², Shawal Sahid Hussain³, Nurul Akma Kamarudin⁴ and Siti Melinda Haris

¹ Faculty of Administrative Science and Policy Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia
noorliana_safian@melaka.uitm.edu.my

² Faculty of Administrative Science and Policy Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia
nurulhanis@melaka.uitm.edu.my

³ Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia
shawalhussain@yahoo.com

⁴ Faculty of Administrative Science and Policy Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia
akmakamarudin@melaka.uitm.edu.my

⁵ Faculty of Administrative Science and Policy Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia
melinda596@melaka.uitm.edu.my

ABSTRACT

Aspek keselamatan merupakan isu penting dalam kehidupan masyarakat. Pengukuran aspek keselamatan ini sering kali digunakan oleh penyelidik yang lepas sebagai faktor pengukur tahap kesejahteraan hidup masyarakat. Dalam usaha-usaha untuk mengekalkan kesejahteraan masyarakat, suatu pendekatan telah diperkenalkan oleh kerajaan iaitu konsep bandar selamat. Konsep ini telah diperkenalkan pada awal tahun 2004 untuk diaplikasikan di seluruh Malaysia. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini cuba membincangkan dengan lebih lanjut mengenai kriteria-kriteria bandar selamat berasaskan kajian literatur. Selanjutnya, kertas kerja ini akan membincangkan tentang proses pelaksanaan bandar selamat dan seterusnya merumuskan implikasi perlaksanaannya terhadap sosio-ekonomi bandar berkenaan. Konsep dan definisi bandar selamat turut dibincangkan.

Keywords: implikasi, konsep, kriteria, dan proses.

PENGENALAN

Penarafan Malaysia sebagai salah sebuah negara paling selamat didiami dan dikunjungi oleh beberapa pertubuhan antarabangsa baru-baru ini membuktikan kesungguhan kerajaan bagi mengurangkan indeks jenayah di seluruh negara melalui strategi dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Edisi Ke-5 Indeks Keamanan Global (GPI) yang dikeluarkan Mei tahun lalu mengiktiraf negara ini sebagai paling aman di Asia Tenggara, selain keempat paling selamat di Asia Pasifik selepas New Zealand, Jepun dan Australia. ((Berita Harian, 30 April 2012).

Malah, Institut Kajian Ekonomi dan Keamanan Antarabangsa (IEP) berpangkalan di Sydney, Australia, melalui indeks yang sama, meletakkan Malaysia di tangga ke-19 daripada 153 sebagai negara paling selamat didiami dan dikunjungi, selain destinasi pilihan pelaburan asing yang turut didorong oleh kestabilan politik. Pelbagai usaha dilaksanakan bagi menurunkan kadar jenayah sepanjang tahun lalu yang menunjukkan kesan memberangsangkan apabila indeks jenayah jalanan menunjukkan penurunan kira-kira 39.7 peratus, sekali gus menjadikan indeks jenayah keseluruhan di seluruh negara menurun 11.1

peratus, jauh melebihi sasaran ditetapkan (Berita Harian, 30 April 2012). Program inisiatif Bandar selamat adalah selaras dengan kehendak konsep 1Malaysia yang ingin menjadikan masyarakat Malaysia lebih prihatin dan sentiasa berwaspada dengan keadaan sekeliling. Inisiatif bandar selamat ini adalah projek Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) yang bertujuan mewujudkan suasana kehidupan yang selamat dan mengurangkan peluang jenayah untuk berlaku.

Justeru itu, kajian ini akan membincangkan secara terperinci konsep dan ciri-ciri Bandar Selamat, perbincangan kajian lepas, langkah-langkah pelaksanaan dan implikasinya dari aspek fizikal dan sosial.

DEFINISI BANDAR SELAMAT

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (<http://prpm.dbp.gov.my>), "Bandar" membawa maksud tempat atau pusat yang ramai penduduknya dan terdapat banyak urusan dan perniagaan dijalankan. Manakala "selamat" bermaksud terpelihara atau terhindar daripada bencana, terlepas daripada bahaya atau aman sentosa, sejahtera dan tidak mendapat apa-apa gangguan dan memberi jaminan keselamatan atau bebas dari ketakutan dengan harapan aman sentosa.

Maka "Bandar selamat" adalah bandar yang bebas dari jenayah dan perasaan takut pada jenayah (Tong, Lawrence, n.d). Bandar selamat juga boleh ditakrifkan sebagai bandar yang bebas daripada semua ancaman fizikal, sosial dan mental. Persekitaran pula sentiasa berada dalam keadaan terpelihara dan tidak menimbulkan suasana yang boleh menggalakkan kepada berlakunya kejadian yang menganggu gugat jentera kesejahteraan setempat. Selain itu, penghuninya sentiasa dalam keadaan yang paling selamat, sejahtera, sihat, ceria dan dapat menjalankan hidup dengan penuh keyakinan (Berita Harian, 26 Oktober 2004).

Bersempena Hari Perancangan Bandar Sedunia yang bertemakan "Bandar Selamat Rakyat Sejahtera" kerajaan telah melancarkan Program Bandar Selamat. Kerajaan telah mewajibkan semua PBT mengguna pakai konsep bandar selamat dari aspek perancangan fizikal dan kelulusan pelan.

KONSEP BANDAR SELAMAT

Konsep Bandar Selamat bukanlah satu perkara yang baru. Program ini telah dimulakan sejak 1980-an lagi di United Kingdom. Program ini adalah salah satu inisiatif yang praktikal untuk mengurangkan insiden jenayah (Crawford, 1998). Ia berlandaskan prinsip mencegah jenayah sebelum masalah lain muncul disebabkan iaitu konsep "*prevention is better than cure*".

Di Malaysia konsep bandar selamat ini telah diutarakan oleh Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) pada awal 1998 yang mana YPJM telah mengemukakan cadangan agar kerajaan melaksanakan program yang seumpamanya sebagai langkah untuk menangani isu jenayah di Malaysia. Ianya kemudian membawa kepada pelancaran Program Bandar Selamat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 10 Ogos 2004 (Lee, 1998; Karim Selamat, 2004; Yeoh, 2006). Program ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat di negara ini selain meningkatkan tahap keselamatan pelancong di kawasan bandar (Ahmad Nazrin Aris Anuar & Zainab Khalifah, 2009). Konsep Bandar Selamat di Malaysia menekankan kepada kerjasama bersepadu di antara badan-badan kerajaan seperti pihak berkuasa tempatan, pihak keselamatan (polis), organisasi swasta, badan bukan kerajaan dan masyarakat ke arah membentasi kegiatan jenayah

melalui reka bentuk persekitaran yang selamat, pihak keselamatan pembangunan komuniti (Lee Lam Thye, 1999).

Program Bandar Selamat ini seperti mana diluluskan oleh Kabinet, mempunyai empat matlamat utama (JPBD, 2007) iaitu:

- (1) Bandar yang bebas dari pada keganasan nyawa dan harta seperti kecurian, rompakan, ragut dan seumpamanya;
- (2) Bandar yang bebas daripada kemusnahan akibat daripada bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh;
- (3) Bandar yang bebas daripada kemerosotan sosial dan moral seperti penagihan dadah, jenayah kolar putih, penyalahgunaan kuasa, pecah amanah serta seumpamanya; dan
- (4) Bandar yang bebas daripada kemalangan seperti kemalangan jalan raya dan kebakaran.

Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Ong Kah Ting, di antara langkah-langkah awal yang perlu di ambil adalah seperti melantik jawatankuasa, menjalankan kajian kes jenayah, mengadakan perbincangan dengan NGO, ahli-ahli profesional, urusetia dan agensi-agensi terlibat, mengenal pasti kawasan sering berlaku jenayah serta mencadangkan kawasan yang memerlukan pemasangan CCTV (*Closed circuit television*) dalam usaha untuk melahirkan persekitaran bandar atau pekan yang moden dan selamat untuk didiami, bekerja dan melakukan kegiatan harian (The Star, 18 Jun 2004).

Bandar Bangsar Baru dan Rumah Awam Sri Johor, Cheras merupakan antara projek perintis yang diambil oleh pihak kerajaan dalam usaha untuk mewujudkan Bandar Selamat. Walaubagaimanapun, projek di Cheras telah ditangguhkan di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Terdapat cadangan bahawa konsep Bandar Selamat dilaksanakan di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur, namun pihak kerajaan berpendapat pada peringkat permulaan ini, konsep tersebut adalah lebih sesuai dilaksanakan di kawasan perumahan berbanding dengan pusat Bandar yang mempunyai gunatanah yang kompleks. (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2004).

Projek seterusnya adalah menjadikan Taman Tun Dr Ismail di Kuala Lumpur sebagai bandar selamat. Kerajaan telah membelanjakan kira-kira RM64 juta untuk menyediakan ciri-ciri bandar selamat terutama pemasangan CCTV di kawasan-kawasan yang dikategorikan sebagai 'kawasan panas'. (Utusan Malaysia, 12 November 2011).

CIRI-CIRI BANDAR SELAMAT

Ciri-ciri dalam Bandar Selamat terdiri daripada rekabentuk persekitaran, pengawasan daripada pihak keselamatan dan pembangunan komuniti. Keakraban masyarakat melalui interaksi sosial dan semangat kejiranan yang baik ini dapat mewujudkan sebuah bandar selamat yang bebas daripada kegiatan jenayah dan perasaan takut terhadap jenayah.

Antara nilai-nilai murni yang perlu diwujudkan adalah tahap keamanan dan keselamatan di dalam sesuatu petempatan, bandar ataupun di dalam komuniti pembangunan yang dilaksanakan. Kejayaan program Bandar Selamat ini dapat mewujudkan persekitaran kediaman yang selamat untuk didiami serta bebas daripada kegiatan jenayah. Impaknya masyarakat akan berasa aman, damai, tenteram dan selamat untuk didiami.

Terdapat tiga ciri-ciri Bandar Selamat yang digariskan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa iaitu pertama adalah dari aspek reka bentuk persekitaran; kedua, dari aspek keselamatan (pemantauan daripada pihak polis ataupun rukun tetangga bagi kawasan taman perumahan); ketiga, dari sudut penglibatan komuniti (Jadual 1).

Rekabentuk persekitaran adalah ciri yang pertama perlu ada pada sesebuah bandar. Antara cara untuk mewujudkan bandar selamat daripada aspek pertama adalah peningkatan tahap pencahayaan dengan adanya lampu-lampu jalan, pemasangan alat komunikasi kecemasan seperti telefon awam. Jemaah Menteri pada 28 Januari 2004 memutuskan supaya diwujudkan bandar dan pekan selamat misalnya untuk mengelakkan lorong-lorong daripada sunyi, gelap dan lain-lain pembaikan sebagai langkah untuk mencegah jenayah. Ciri yang seterusnya adalah dari aspek keselamatan seperti pemantauan dan rondaan polis, RELA dan agensi keselamatan yang lain. Pembangunan komuniti yang terakhir. Ciri ini adalah aspek yang sangat penting dalam mewujudkan sesebuah bandar selamat. Program Rukun Tetangga menerusi rondaan kawasan perumahan merupakan antara usaha bagi membanteras kegiatan jenayah. Masyarakat juga perlu diberi kesedaran tentang peri pentingnya hubungan yang akrab di antara jiran tetangga. Ini kerana peranan institusi kejiranan adalah sangat penting dalam membanteras kegiatan jenayah di sesuatu kawasan kediaman.

Kesimpulannya, sesebuah bandar boleh dikategorikan sebagai bandar selamat apabila ia memenuhi ketiga-tiga ciri di atas. Walaubagaimanapun, bukan semua bandar di negara ini mampu menjadi sebuah bandar yang selamat. Seajar dengan pendapat Datuk Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kebanyakan kawasan di negara ini hanya mempunyai sebahagian daripada ciri-ciri tersebut.

Menurut beliau,

"...kawasan yang betul-betul bandar selamat yang kita ada sekarang ini adalah Ara Damansara 1 dan Desa Park City di Kuala Lumpur, serta Setia Eco Park, Shah Alam. (Utusan Malaysia, 2011)

Oleh yang demikian, bagi melaksanakan konsep Bandar Selamat ia memerlukan penyertaan dan sokongan padu orang ramai. Ini adalah kerana selain penekanan kepada faktor keselamatan, semangat kejiranan juga adalah perlu diamalkan. Tanggungjawab menjaga ketenteraman adalah tanggungjawab bersama.

KAJIAN LEPAS BANDAR SELAMAT DI MALAYSIA

Pelaksanaan Bandar Selamat telah menjadi salah satu agenda utama di dalam pembangunan Negara. Tanpa aspek keselamatan dalam kehidupan bandar, adalah sukar bagi masyarakat untuk mencapai kesejahteraan hidup. Berdasarkan statistik Polis Di Raja Malaysia (PDRM), bagi tempoh 20 tahun (1984-2003) kadar jenayah telah meningkat dari 87,902 kes kepada 121,176 kes pada tahun 1996 (iaitu peningkatan sebanyak 37.85 peratus). Seterusnya jumlah kes jenayah direkodkan dalam lingkungan 128,000 hingga 169,000 kes pada tahun-tahun berikutnya. Pada tahun 2003, misalnya jenayah harta benda adalah kira-kira 85.4 peratus dari jumlah keseluruhan.

YAB Perdana Menteri di dalam Mesyuarat Kabinet pada 28 Januari 2004 telah menyatakan kebimbangannya terhadap bilangan jenayah yang semakin meningkat di negara ini. Susulan daripada mesyuarat tersebut Jemaah Menteri telah mencadangkan supaya diwujudkan bandar dan pekan yang selamat, sebagai langkah untuk mencegah jenayah. Pelan pembangunan pekan dan bandar baru yang dirancang perlu mengambil kira aspek-

aspek keselamatan. Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) telah menggariskan 23 langkah pencegahan jenayah untuk dilaksanakan pada peringkat pihak berkuasa tempatan (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2005).

JADUAL 1 : CIRI-CIRI BANDAR SELAMAT

Bil	Ciri-Ciri Bandar Selamat	Cara Mewujudkan Bandar Selamat	Sasaran
1.	Reka bentuk persekitaran	Perubahan Persekitaran: mikro-persekitaran yang berketahanan, peningkatan tahap pencahayaan di kawasan perumahan, pemasangan alat komunikasi kecemasan dan lain-lain.	<ul style="list-style-type: none"> • Persekitaran kediaman yang bebas daripada kegiatan jenayah;
2.	Pihak Keselamatan (dari Pihak Polis dan sebagainya)	Polisi & Strategi; Pelan pembangunan.	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan kediaman yang aman, damai dan
3.	Pembangunan komuniti	Pendidikan; Penglibatan masyarakat: seperti rukun tetangga, Pembentukan Jawatankuasa Pencegahan Jenayah	<ul style="list-style-type: none"> • Ruang awam yang selamat untuk pengguna

Sumber : Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, 2005

Kajian persepsi kualiti hidup bandar dan keselamatan awam telah dijalankan di Bandaraya Ipoh, Johor Bahru, Kota Kinabalu, Kuala Lumpur, Kuantan dan Kuching. Hasil kajian menunjukkan sejumlah 81.5 peratus daripada responden “berpuas hati” atau sangat berpuashati dengan isu yang dibangkitkan mengenai keselamatan awam seperti keselamatan jalan raya dan keselamatan kawasan kediaman. Mereka hanya menyuarakan kebimbangan tentang masalah kehadiran penagih dadah, isu pendatang tanpa izin dan keselamatan untuk bergerak pada waktu malam iaitu mewakili 28.8 peratus. Di kawasan awam bandar yang dikaji, hampir satu perlima daripada responden menyatakan kebimbangan dengan isu pendatang tanpa izin. Sebanyak 93.9 peratus daripada responden merasakan selamat untuk bergerak pada waktu siang, hanya 59.4 peratus sahaja yang merasakan selamat untuk bergerak pada waktu malam (Unit Perancang Ekonomi, 2002).

LANGKAH-LANGKAH PERLAKSANAAN PROGRAM BANDAR SELAMAT

Setelah jemaah menteri memutuskan untuk mewujudkan Bandar Selamat, satu kertas kerja pelaksanaan program telah dibentangkan di Mesyuarat JKPPP Bil, 1/2004 yang telah memperakukan 23 Langkah Pencegahan Jenayah Program Bandar Selamat. Selepas lima tahun pelaksanaan program Bandar Selamat ini, satu kajian semula telah dibuat oleh JPBD bersama *stakeholders* dalam satu Mesyuarat Pasukan Petugas Program Bandar Selamat. Daripada 23 langkah pencegahan 2004 mesyuarat telah bersetuju untuk memantapkan 23 langkah tersebut kepada 15 langkah. Takrifan semula mengandungi 3 strategi dan 15 Langkah Bandar Selamat bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan Program Bandar Selamat dengan memberi pilihan-pilihan kepada PBT untuk melaksanakan langkah-langkah bandar selamat mengikut kesesuaian setempat. Takrifan semula ini telah dipersetujui oleh semua PBT, PDRM, Kementerian Dalam Negeri, wakil makmal NKRA mengurangkan Jenayah dan Pertubuhan Bukan Kerajaan yang terlibat secara langsung di dalam pelaksanaan PBS 2004 (<http://www.townplan.gov.my>).

Strategi pertama adalah merekabentuk persekitaran fizikal. Kewujudan Bandar Selamat telah membantu dalam pembangunan dan penambahbaikan pelbagai aspek fizikal di kawasan Bandar. Langkah pertama adalah pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan motor. Pengasingan ini dapat dilakukan dengan penyediaan laluan pejalan kaki khusus untuk pejalan kaki sahaja serta penyediaan *bollard*, rel penghadang, penyediaan tanaman landskap atau penyediaan laluan motosikal khas. Pengasingan ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kegiatan jenayah seperti jenayah ragut serta meningkatkan kadar keselamatan pengguna jalan kaki di bandar dengan adanya pemisah dengan laluan kenderaan.

Langkah kedua adalah pelaksanaan reka bentuk persekitaran yang selamat atau *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED). Pelaksanaan CPTED akan dibantu oleh garis panduan seperti Manual CPTED, Garis Panduan Pencahayaan, Garis Panduan Laluan Pejalan Kaki Khusus dan Garis Panduan Penanaman Landskap. Ia turut melibatkan panduan Pelaksanaan Penyediaan *Bollard* dan Pengasingan Laluan Pejalan Kaki dan Laluan Bermotor, Garis Panduan Pemasangan CCTV di Premis Perniagaan dan Tempat Awam dan Manual Pelaksanaan Pemetaan GIS Jenayah Bandar.

Langkah ketiga adalah pemetaan jenayah atau Geographic Information System (GIS). Bagi meningkatkan keberkesanan membentaras jenayah, pihak PBT dan pihak PDRM perlu bekerjasama dalam perkongsian maklumat data GIS. Ini kerana pengawasan yang kerap dapat dilakukan pada kawasan yang kadar jenayahnya adalah tinggi. PBT juga dapat memantau kemajuan pembanterasan jenayah di kawasan berkenaan. Dengan adanya pemetaan jenayah ini, kawasan yang kadar jenayahnya tinggi dapat dikenalpasti.

Strategi kedua di bawah aspek fizikal adalah *target hardening* atau memperkasakan kawasan sasaran. Di antara langkah-langkah untuk memperkasakan kawasan sasaran adalah penyediaan Balai Polis tetap atau bergerak di kawasan sedia ada atau kawasan baru. Penempatan balai polis ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar jenayah dan dapat meningkatkan keyakinan orang awam terhadap keselamatan sesuatu bandar.

Langkah kelima di bawah strategi kedua adalah penyediaan cermin keselamatan. Pemasangan cermin keselamatan di beberapa lokasi penting seperti di kawasan yang kerap terjadinya kejadian ragut dan kecurian seperti di lorong-lorong yang terlindung amat penting. Ini kerana ia dapat menunjukkan keadaan di sisi lorong yang lazimnya menjadi tempat bermulanya sesuatu aktiviti jenayah.

Langkah seterusnya adalah penyediaan papan tanda yang bersaiz besar atau kecil. Ini bertujuan untuk memberi peringatan kepada orang awam sekiranya berlaku apa-apa

kecemasan. Antara maklumat-maklumat yang perlu ada pada papan tanda adalah nombor-nombor telefon pihak berkuasa yang terlibat apabila berlaku kecemasan. PBT bersama dengan pihak PDRM akan menentukan tempat letak papan tanda peringatan jenayah.

Langkah ketujuh adalah pemasangan penggera keselamatan di kawasan tumpuan awam. Penggera keselamatan boleh digunakan oleh mangsa atau orang awam apabila berlakunya sesuatu kejadian ragut dan jenayah. Penggera keselamatan dapat diaktifkan dengan menekan butang yang dipasang di tempat-tempat awam bagi memudahkan mereka menggunakannya sewaktu berlaku kecemasan.

Penyediaan tempat motosikal berkunci adalah langkah seterusnya ke arah pembentukan sebuah Bandar Selamat. Ini bertujuan untuk mengurangkan kejadian kecurian motosikal di kawasan bandar. PBT akan mengenakan syarat kepada pemaju perumahan supaya menyediakan kemudahan ini di dalam projek masing-masing. Langkah kesembilan pula adalah pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di premis perniagaan dan di tempat awam. Tujuan pemasangan kamera ini adalah untuk merakamkan segala kejadian yang berlaku di tempat tersebut. Sekiranya kejadian yang tidak diingini berlaku, pihak polis akan merujuk kepada rakaman CCTV tersebut.

Langkah kesebelas memerlukan tindakan pihak PBT itu sendiri. Kawasan-kawasan semak yang menjadi laluan orang awam haruslah dibersihkan. Ini bertujuan untuk mengelak daripada berlakunya kejadian-kejadian seperti rogol dan ragut. Langkah seterusnya adalah menggalakkan aktiviti bersesuaian di kawasan berisiko jenayah. Contohnya seperti aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan. Dengan adanya aktiviti seperti ini, kawasan tersebut tidak lagi sunyi dan gelap dan kaum wanita khususnya akan berasa selamat apabila melalui jalan tersebut.

Strategi yang ketiga pula memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak bagi meningkatkan kesedaran awam. Ia dilakukan melalui pendidikan dengan mengedarkan risalah-risalah jenayah kepada orang awam dan pengunjung. Risalah tersebut disediakan bertujuan untuk memberitahu orang awam tentang lokasi-lokasi jenayah, punca kejadian jenayah dan langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil oleh orang awam untuk mengelakkan diri dari ancaman jenayah. Pelancaran projek bandar selamat serta penyediaan papan iklan luar juga dapat memberikan impak kesedaran yang besar terhadap kewujudan program ini. Tidak dinafikan banyak PBT yang telah berkongsi maklumat tentang program ini kepada orang awam iaitu melalui laman web PBT masing-masing. Dengan adanya maklumat seperti ini, ia boleh menjadi panduan kepada orang awam tentang langkah pencegahan jenayah.

Langkah keempat belas adalah meningkatkan rondaan di kawasan perumahan. Ia dapat dilaksanakan dengan mengaktifkan semula jawatankuasa atau persatuan penduduk seperti rukun tetangga atau mendapatkan khidmat pengawal keselamatan swasta tanpa perlu mengharap penuh kepada PDRM. Strategi ini amat bergantung kepada kesedaran pelbagai pihak terutamanya orang awam untuk sama-sama berganding bahu dengan pihak berkuasa untuk membanteras jenayah. Kajian daripada Yuen (2004) juga telah membuktikan bahawa kadar kes jenayah yang rendah di Singapura di sumbang oleh hubungan yang erat antara orangawam dengan PBT. Langkah yang terakhir adalah memasukkan laporan kadar jenayah dan pelaksanaan keberkesanan program Bandar selamat dalam Mesyuarat Majlis Penuh PBT pada setiap bulan.

IMPLIKASI BANDAR SELAMAT

Pembinaan Bandar Selamat bukan sahaja mampu membantu dalam aspek pembangunan fizikal Bandar yang selamat namun membantu dalam memberi impak positif dalam mengatasi masalah sosial di bandar berkenaan. Menurut Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan, Datuk Makhtar Mustaffa berkata, "Projek Bandar Selamat merangkumi pembinaan infrastruktur seperti pengasingan pejalan kaki dari laluan bermotor dan memasang lampu jalan di kawasan tumpuan." Laluan pejalan kaki itu turut dilengkapi bollard dan cermin keselamatan bertujuan melindungi pejalan kaki daripada menjadi mangsa jenayah jalanan seperti ragut," katanya. Inilah yang menjadi salah satu kebimbangan rakyat dan mereka mahukan kerajaan memberi keutamaan kepada masalah sosial dalam

Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) adalah salah satu inisiatif dalam pengurangan indeks jenayah dan jenayah jalanan. Sejak pelaksanaannya, ia berjaya menunjukkan keputusan yang positif dengan penurunan sebanyak 11.1 peratus indeks jenayah serta penyusutan 39.7 peratus kepada jenayah jalanan.

Pelaksanaan kukuh dan program sasaran di bawah inisiatif seperti Program Bandar Selamat menjadi bukti bagaimana idea pembangunan menerusi Makmal GTP ini diterjemahkan menjadi persekitaran selamat kepada kediaman kejiranan di Negara ini. Taman Tun Dr Ismail contohnya sudah banyak menunjukkan perubahan ketara sejak akhir-akhir ini. Masyarakat setempat sudah berasa selamat untuk kemana-mana sahaja.

KESIMPULAN

Dengan isu-isu jenayah yang semakin meruncing, pihak kerajaan telah terpanggil untuk memperkenalkan program Bandar selamat. Program ini adalah berlandaskan konsep "*prevention is better than cure*". Konsep ini membawa maksud bahawa pencegahan itu perlu sebelum masalah lain timbul kerananya. Ibarat mencegah penyakit barah dari terus merebak se seluruh system tubuh.

Mengikut teori keperluan Abraham Maslow, keperluan untuk berasa selamat adalah salah satu keperluan hidup manusia. Adalah menjadi hak untuk setiap individu untuk berasa selamat. Indikator-indikator yang boleh dikaitkan dengan keselamatan adalah kadar jenayah, bencana alam dan kadar kemalangan.

Kesejahteraan rakyat adalah agenda utama Negara. Rakyat perlu berasa selamat untuk tinggal di Negara ini. Walaubagaimanapun, tugas menjaga keselamatan Negara bukanlah terletak di bahu kerajaan semata-mata, komuniti seharusnya berganding bahu dengan pihak kerajaan bagi memastikan Negara yang kita diami ini benar-benar selamat.

Ciri-ciri bagi mencapai pelaksanaan Bandar Selamat terbahagi kepada tiga aspek iaitu aspek reka bentuk persekitaran, pihak keselamatan dan pembangunan komuniti. Aspek persekitaran termasuklah aspek seperti persekitaran kediaman mestilah bebas daripada kegiatan jenayah dengan pemasangan lampu jalan, kamera litar tertutup, pemasangan alat komunikasi sekiranya berlaku sebarang kecemasan di kawasan kediaman. Manakala aspek kedua adalah kawalan dan rondaan daripada pihak berkuasa serta peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Ini bertujuan untuk mengawasi keadaan persekitaran terutamanya ketika musim perayaan. Aspek yang terakhir adalah pembangunan komuniti. Aspek ini memberi penekanan kepada semua pihak tentang peri pentingnya menjaga keselamatan diri khususnya dan keselamatan masyarakat secara umumnya.

Terdapat lima belas langkah pencegahan jenayah yang telah digariskan JPBD. Langkah-langkah ini terkandung di bawah tiga strategi utama iaitu rekabentuk persekitaran, memperkasakan kawasan sasaran, dan kesedaran awam. Adalah menjadi tanggungjawab pihak PBT untuk melaksanakan segala strategi yang telah digariskan pihak kerajaan supaya matlamat untuk meningkat kesejahteraan masyarakat dapat dicapai. Impak program Bandar selamat ini boleh dilihat dari dua aspek iaitu aspek fizikal dan aspek sosial. Aspek fizikal termasuklah perubahan fizikal sesuatu Bandar tersebut dengan pemasangan bollard, rel penghadang, laluan pejalan kaki dan sebagainya. Secara tidak langsung, kemudahan-kemudahan yang diwujudkan ini dapat membantu pencegahan jenayah di sesuatu Bandar.

Secara kesimpulannya, aspirasi kerajaan dalam mewujudkan Bandar selamat adalah sangat dialu-alukan rakyat. Bandar yang selamat bukan sahaja memberi manfaat kepada rakyat tetapi juga bagi sektor pelancongan. Bandar yang selamat dapat menarik ramai pelancong asing sekaligus meningkatkan ekonomi Negara. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk bersama-sama menjayakan program Bandar Selamat.

It is expected that authors submit carefully written and proofread materials. Spelling, grammatical errors, as well as language usage problems are not acceptable. The paper length should not exceed 15 pages.

REFERENCES

- Ahmad Nazrin Aris dan Zainab Khalifah, *Keberkesanan Program Bandar Selamat Dari Persepsi Pelancong Singapura: Kajian Kes di Bandaraya Johor Bahru* Skudai: Fakulti Alam Bina, UTM.
- Anonymous, (2012). *Komited Kurangkan Indeks Jenayah. Berita Harian 30 April 2012*. Capaian dari www.bharian.com.my
- _____, (2011). *Lebih Banyak Ciri Bandar Selamat Akan Disediakan. Utusan Malaysia 12 November 2011*. Capaian dari www.utusan.com.my
- Crawford A (1998) *Crime Prevention and Community Safety: Politics, Policies and Practices*. Longman
- Haryani Ngah, *Program Bandar Selamat Diperluas. Berita Harian 26 Oktober 2004*. Capaian dari www.bharian.com.my
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD), (2007). Tarikh capaian pada 11 Disember 2007 dari <http://www.townplan.gov.my>.
- Karim Selamat, 2004; *The Effectiveness Of Safe City Programme As Safety Basic In Tourism Industry Case Study: Wilayah Persekutuan Putrajaya*. Capaian daripada eprints.uitm.edu.my
- Lee L.T. (1988). *Perlu Segera Wujudkan Konsep Bandar Selamat. Utusan Malaysia*, 11 Februari 1988. Tarikh capaian pada 10 Disember 2007 dari <http://www.utusanonline.com.my>.
- Lee Lam Thye .(1999). *World Town Planning Day-Public Lectures and Exhibition:Safe City*. Kuala Lumpur.
- Tong Lawrence (2007), *World Habitat Day (WHD) Roundtable: A Safe City is a Just City*. Kuala Lumpur

Unit Perancang Ekonomi (2002), *Kualiti Hidup Bandar*. Capaian dari www.epu.gov.my

Yeoh, C. (2006). 69 peratus PBT Gagal Lahirkan Bandar Selamat. *Utusan Malaysia*, 26 Februari 2006. Tarikh capaian pada 10 Disember 2007 dari <http://www.utusanonline.com.my>

Yuen. (2004). Safety and Dwelling in Singapore. *Cities* 21(1): 19-28